



INFO@SUKAN

Karnival Sukan

UNIASUMI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

Sukan Karnival Masum telah membuka tirainya pada 18 Jun hingga 30 Jun 2011. Kejohanan ini yang turut berlangsung di Universiti Putra Malaysia yang mana telah mempertandingkan beberapa jenis permainan yang turut dipertandingkan seperti Badminton Lelaki dan Wanita, Sepaktakraw Lelaki dan Wanita, Hoki Wanita ,Bola Tampar Lelaki , Kayak,Olahraga , Bowling Padang Lelaki dan Wanita. Seramai 76 orang atlet dan 6 pegawai telah menyertai kejohanan yang turut berlangsung selama dua minggu ini. Majlis Perasmian Kejohanan telah diadakan pada 20 Jun yang bertempat di Stadium Kompleks Sukan UPM.

Pada pencapaian kali ini pasukan kontingen UniMAP telah memenangi 1 Emas,1 Perak dan 8 Gangsa dan berikut adalah sumbangan Emas melalui acara sukan Boling Padang Wanita bagi acara Women Pairs dan 1 pingat perak bagi acara boling padang lelaki (Men Triples). Manakala bagi acara gangsa pula pasukan Olahraga UniMAP turut menyumbangkan bagi acara 800 meter yang disumbangkan oleh Muhammad Kamaruzaman Bin Awang, Mohd Amiruddin Bin Roslan bagi acara 400 meter lari berpagar dan kuartet 4 x 400 meter lelaki yang di sumbangkan oleh Muhammad Kamaruzaman Bin Awang ,Mohd Esmiramin Bin Ali, Wan Alfi Bin Wan Jali,Mod Isa Bin Ahmad Azan ,Mohd Amirudin Bin Roslan Dan Gunaseelan A/l Rengathan. Selain itu pingat gangsa disumbangkan bagi acara silat untuk kategori Putera J, Boling Padang wanita bagi acara Women Triples dan Women Overall serta Boling Padang lelaki bagi acara Men Fours dan Overall Men. Pencapaian pasukan UniMAP pada kali ini amatlah memberangsangkan dan diucapkan tahniah kepada pihak pengurusan pasukan jurulatih ,atlet-atlet dan juga pihak saketariat Pusat sukan yang bertungkus lumus dalam meningkatkan pencapaian sukan pada kali ini.Syabas kepada pasukan UNIMAP.

"UniMAP Mantap"

